

18 SEP 1998

Mahathir-Anwar

ANWAR HANYA PENTING DIRI SENDIRI, KATA MAHATHIR

LANGKAWI, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan Datuk Seri Anwar Ibrahim melibatkan diri dengan DAP menunjukkan beliau (Anwar) hanya mementingkan diri sendiri sahaja.

Presiden Umno itu berkata, bekas timbalan perdana menteri itu sanggup untuk lari ke parti lawan apabila beliau tidak lagi mendapat sokongan Umno.

Sehubungan itu, beliau berkata, ahli-ahli Umno yang betul-betul taat kepada Umno akan meninggalkan bekas timbalan presiden Umno itu kerana beliau (Anwar) telah bersekongkol dengan DAP.

Bercakap pada sidang berita selepas melawat Lapangasar Menembak Antarabangsa Langkawi Malaysia (Lisram) di sini, Perdana Menteri berkata perbuatan Anwar itu akan lebih mengecewakan lagi ahli-ahli Umno dan seterusnya tidak akan mengikutinya.

Menurutnya, perbuatan Anwar membabitkan diri dengan perjuangan DAP itu menunjukkan di mana kesetiaannya selama ini.

Dr Mahathir berkata, pembabitan Anwar dengan DAP dan bukan dengan PAS adalah lebih teruk lagi kerana DAP parti yang tidak boleh diterima sama sekali oleh Umno.

"Kalau betul orang Umno, dia tidak akan menyertai parti lawan," jelasnya lagi.

Mengenai ramai orang yang turut berada di tempat ceramah Anwar, beliau berkata kemungkinan mereka berada di situ kerana sifat ingin tahu mereka atau keliru.

"Akhirnya apabila mereka dapati apa yang benar, mereka akan bertindak mengikut apa yang benar," katanya.

Menurut Perdana Menteri beliau juga tidak nampak peluang Anwar untuk kembali ke pangkuan Umno melalui perbuatannya yang cuba mendapatkan sokongan melalui cara demonstrasi kerana "Umno tidak bergantung kepada demonstrasi umum untuk mendapatkan sokongan."

Beliau berkata, beliau juga tidak memberitahu bekas timbalannya itu mengenai rancangannya untuk bersara tahun ini yang telah diumumkan baru-baru ini.

"Keputusan itu saya sendiri buat dan saya berjanji pada diri sendiri," katanya.

Mengenai kekosongan sebagai pengerusi Jawatankuasa Disiplin Umno, Dr Mahathir berkata, kedua-dua naib presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak boleh bertindak menjadi pengerusi bersama jawatankuasa itu.

Menurutnya, beliau tidak dapat memilih satu antara kedua-duanya kerana "takut bagi 'advantage' (kelebihan) pada seorang yang lain" yang akan menimbulkan persoalan sokongan kepada seseorang.

Bagaimanapun, beliau berkata, keputusan jawatankuasa itu akan dilaporkan kepada Majlis Tertinggi (MT) yang akan membuat keputusan muktamad dan ini akan merupakan keputusan MT juga.

-- BERNAMA

AHM OA